

## KENYATAAN UMUM AMNESTY INTERNATIONAL

26 Februari 2024

ACT 50/7750/2024

# MALAYSIA: ENAM BULAN PERTAMA PENGHUKUMAN ATAS BUDI BICARA DILAKSANAKAN MENGGARISKAN PERLUNYA MORATORIUM HUKUMAN MATI DILANJUTKAN UNTUK TEMPOH MASA YANG TIDAK TERBATAS

Pemantauan Amnesty International terhadap keputusan kehakiman dalam kes jenayah berat di Malaysia sejak pemansuhan hukuman mati mandatori menunjukkan keperluan mendesak bagi pihak berkuasa untuk melanjutkan moratorium rasmi 2018 ke atas hukuman mati kepada suatu tempoh masa yang tidak terbatas.

Angka yang direkodkan oleh organisasi dalam tempoh enam bulan pertama sejak mahkamah Malaysia diberikan kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya menggambarkan penurunan ketara dalam jumlah hukuman mati yang dikenakan atau dikekalkan oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, kes yang dikenal pasti dalam tempoh ini juga menimbulkan kebimbangan bahawa kelemahan sistemik dan pelanggaran undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa terus wujud dalam penggunaan hukuman mati di Malaysia, serta alternatifnya, di bawah undang-undang yang dipinda.

Ketika sesi ketiga Parlimen ke-15 bermula pada 26 Februari 2024, Amnesty International memperbaharui gesaannya kepada Kerajaan dan Ahli Parlimen Malaysia, sebagai langkah kritikal seterusnya, untuk memanjangkan moratorium rasmi ke atas hukuman mati kepada suatu tempoh masa yang tidak terbatas, sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya, dan semua penghukuman mati diringankan.

Amnesty International menentang hukuman mati tanpa syarat, untuk semua kes dan dalam apa jua keadaan, dan menganggap ia sebagai pencabulan hak untuk hidup dan sebagai hukuman yang paling kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

## ENAM BULAN PERTAMA PENGHUKUMAN DENGAN KUASA BUDI BICARA: PENURUNAN PENGGUNAAN HUKUMAN MATI SECARA KESELURUHAN

Penilaian keputusan dalam kes-kes jenayah berat yang dapat direkodkan oleh Amnesty International antara 4 Julai 2023 dan 4 Januari 2024 menunjukkan pengurangan ketara dalam keseluruhan penggunaan hukuman mati oleh mahkamah Malaysia.

Pada 4 Julai 2023, Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) berkuat kuasa, memansuhkan hukuman mati mandatori dan memperkenalkan hukuman dengan kuasa budi bicara bagi semua kesalahan yang terpakai.<sup>1</sup> Sejak itu, defendan yang disabitkan kesalahan atas jenayah berat oleh Mahkamah Tinggi berkemungkinan dijatuhi hukuman mati atau hukuman alternatif iaitu hukuman penjara antara 30 hingga 40 tahun dan sebat;<sup>2</sup> atau hukuman mati mereka yang sedia ada diringankan sebagai sebahagian daripada rayuan biasa mereka di hadapan Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

Di samping itu, Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) Akta 2023 (Akta 847), yang berkuat kuasa pada 12 September 2023, memberikan bidang kuasa khas kepada Mahkamah Persekutuan untuk penghukuman semula 1,020 individu di bawah hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat yang telah kehabisan prosiding kehakiman biasa mereka. Menurut angka yang dikeluarkan oleh Datuk

<sup>1</sup> Akta 846 juga memansuhkan hukuman penjara sepanjang hayat.

<sup>2</sup> Di bawah seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah, lelaki berumur 50 tahun ke atas dan wanita dikecualikan daripada hukuman sebat.

Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Pembaharuan Institusi), kesemua 1,020 individu yang layak telah memohon untuk dihukum semula pada 17 November 2023.<sup>3</sup>

Sejak 4 Julai 2024, Amnesty International telah memantau keputusan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (bidang kuasa biasa dan sementara) Malaysia. Organisasi itu menilai keputusan kehakiman yang diterbitkan di laman web badan kehakiman dan laporan dalam media nasional,<sup>4</sup> wakilnya juga memerhatikan perbicaraan pembelaan semula di hadapan Mahkamah Persekutuan di bawah bidang kuasa sementaranya dalam 18 kes hukuman mati pada 16 November dan 6 Disember 2023. Selain itu, Amnesty International memohon angka rasmi untuk tahun 2023 daripada pendaftar mahkamah, beberapa anggota Kabinet Malaysia dan Pesuruhjaya Penjara. Menjelang tarikh penyiaran kenyataan ini, maklumat hanya diterima daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Amnesty International menyemak keputusan berkaitan kes melibatkan 139 individu, yang dapat direkodkan antara 4 Julai 2023 dan 4 Januari 2024. Daripada jumlah ini, 42 orang (28%) telah dipinda pertuduhan masing-masing kepada kesalahan yang lebih ringan atau dibebaskan, di Mahkamah Tinggi atau atas rayuan. Dalam baki 97 kes, di mana defendan disabitkan dengan jenayah berat, **26 kes (27%) menyebabkan hukuman mati** dikenakan atau dikekalkan dan agak luar biasa, **71 kes (73%) dalam hukuman alternatif** kepada hukuman mati yang dikenakan di Mahkamah Tinggi atau melalui peringanan atas rayuan.<sup>5</sup>

Angka tersebut menunjukkan bahawa melalui proses mahkamah biasa, hukuman mati kekal sebagai hukuman pilihan bagi 26 daripada 70 kes (37%). Penghukuman dengan kuasa budi bicara lebih diterima berbanding hukuman mati secara proporsional oleh mahkamah rayuan. **Agak mengejutkan, hukuman mati dikenakan dalam 44% kes yang direkodkan di Mahkamah Tinggi, manakala peratusan ini masing-masing berkurangan kepada 21% dan 25% di hadapan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (bidang kuasa biasa).** Secara ketara, kesalahan **membunuh** berkait rapat dengan bilangan kes yang lebih tinggi di mana hukuman mati telah dikenakan atau dikekalkan - **18 daripada 26 kes (69%).**

Semua hukuman mati yang disahkan yang telah dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah bidang kuasa sementaranya dalam tempoh yang dipertimbangkan telah diringankan.

Selain itu, antara 4 Januari 2024 dan 10 Februari 2024, Mahkamah Rayuan mengekalkan tiga hukuman mati kerana membunuh, manakala Mahkamah Persekutuan di bawah perundangan sementaranya mengekalkan empat hukuman mati kerana membunuh, menjadikan jumlah hukuman mati yang disahkan oleh mahkamah tertinggi kepada enam – semua untuk pembunuhan.

## HUKUMAN MATI BERKAITAN DADAH MELANGGAR UNDANG-UNDANG DAN STANDARD ANTARABANGSA

Malaysia kekal antara minoriti negara yang masih mengenakan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah.<sup>6</sup> Antara sekatan lain, undang-undang hak asasi manusia antarabangsa memperuntukkan bahawa, di negara dimana hukuman

<sup>3</sup> The Star, "1,020 applications to review death penalty and life imprisonment cases filed", 17 November 2023, [thestar.com.my/news/nation/2023/11/17/1020-applications-to-review-death-penalty-and-life-imprisonment-cases-filed-says-ramkarpal](https://thestar.com.my/news/nation/2023/11/17/1020-applications-to-review-death-penalty-and-life-imprisonment-cases-filed-says-ramkarpal)

<sup>4</sup> Memandangkan tarikh alasan bertulis selalunya berbeza daripada tarikh keputusan kehakiman diambil, Amnesty International telah membuat penentuan dalam setiap kes berdasarkan maklumat yang ada untuk memastikan hukuman itu berlaku selepas berkuatkuasanya pindaan perundangan kepada pemansuhan hukuman mati mandatori pada 4 Julai 2023. Untuk jumlah terhad yang melibatkan penghakiman yang mana tarikh hukuman tidak dapat ditentukan, Amnesty International memutuskan untuk mengecualikan mereka yang mempunyai alasan bertulis bertarikh antara 4 Julai dan 4 Oktober 2023. Empat keputusan kehakiman dengan tarikh hukuman yang tidak ditentukan dan alasan bertulis bertarikh antara 5 Oktober 2023 dan 4 Januari 2024 telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada penilaian ini.

<sup>5</sup> Peringanan (hukuman) ialah proses di mana hukuman mati ditukar kepada hukuman yang lebih ringan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, oleh badan kehakiman semasa rayuan.

<sup>6</sup> Amnesty International, "Unlawful and discriminatory – The death penalty for drug-related offences" (ACT 50/7213/2023), Oktober 2023, [amnesty.org/en/documents/act50/7213/2023/en/](https://amnesty.org/en/documents/act50/7213/2023/en/)

mati masih belum dimansuhkan, pengenaannya mesti dihadkan kepada "jenayah paling serius".<sup>7</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB telah menyatakan bahawa "Jenayah yang tidak mengakibatkan kematian secara langsung dan sengaja, seperti [...] dadah dan kesalahan seksual, walaupun secara serius, tidak sekali-kali boleh menjadi asas, dalam rangka artikel 6, untuk pengenaan hukuman mati".<sup>8</sup>

Walaupun adalah menggalakkan bahawa kuasa budi bicara dalam penghukuman telah menyebabkan pengurangan jumlah hukuman mati, namun ia tetap membimbangkan bahawa hukuman mati terus dikenakan untuk pengedaran dadah, yang mana melanggar undang-undang dan standard antarabangsa. Amnesty International merekodkan **31% daripada semua kes** di mana hukuman mati dikenakan atau dikekalkan (8 daripada 26) antara 4 Julai 2023 dan 4 Januari 2024 berkaitan dengan kesalahan ini yang **menimbulkan kebimbangan**. Ketaranya,, majoriti hukuman mati berkaitan dadah yang direkodkan (6 daripada 8) telah dikenakan oleh Mahkamah Tinggi.

Turut membimbangkan ialah pengekalan anggapan bersalah yang telah menyebabkan perbicaraan tidak adil, kerana ini melanggar hak untuk dianggap tidak bersalah. Anggapan berkanun ini, apabila digunakan, membenarkan pihak pendakwaan membuat kesimpulan bersalah secara automatik apabila dadah ditemui pada objek atau di premis yang menjadi tanggungjawab atau dimiliki oleh defendan; atau bahawa defendan mempunyai pengetahuan tentang dadah apabila didapati padanya; atau bahawa defendan berhasrat untuk mengedar dadah apabila jumlah dalam milikan mereka melebihi jumlah minimum berkanun. Apabila anggapan bersalah ini digunakan, beban pembuktian dialihkan kepada defendan untuk disangkal kepada standard undang-undang yang lebih tinggi iaitu "pada imbangan kebarangkalian", dengan kesan menurunkan ambang bukti yang diperlukan untuk menjamin sabitan dalam kes-kes jenayah berat.

Amnesty International menyeru kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan pindaan perundangan lebih lanjut kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membawanya selaras dengan undang-undang dan standard hak asasi manusia antarabangsa, termasuk dengan memansuhkan hukuman mati dan anggapan bersalah. Sementara itu, organisasi menggesa pihak pendakwaan untuk segera menamatkan penggunaan hukuman mati.

## **PERBICARAAN TIDAK ADIL DIKHUATIRI MENINGKATKAN RISIKO PENGGUNAAN HUKUMAN MATI SEWENANG-WENANGNYA**

Seperti yang didokumentasikan oleh Amnesty International dalam tempoh enam bulan pertama sejak kuasa budi bicara dalam penghukuman diperkenalkan, pendekatan kepada kes yang berpotensi tertakluk kepada hukuman mati menunjukkan kelemahan sistemik yang menjejaskan hak untuk perbicaraan yang adil pada pelbagai peringkat prosiding.

Standard antarabangsa untuk perbicaraan yang adil menjamin hak semua orang yang ditangkap atau ditahan atas pertuduhan jenayah untuk mendapatkan peguam yang cekap dan berkesan dari permulaan penyiasatan jenayah dan sebaik sahaja mereka dilucutkan kebebasan<sup>9</sup> mereka. Ini membolehkan defendan melindungi hak mereka dan menyediakan pembelaan mereka dan berfungsi sebagai perlindungan penting terhadap penyeksaan dan layanan buruk yang lain, dan terhadap "pengakuan" paksaan atau kenyataan<sup>10</sup> lain yang boleh mengancam dirinya.

---

<sup>7</sup> Perkara 6(2) Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik; Perlindungan PBB menjamin perlindungan hak mereka yang menghadapi hukuman mati, resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial PBB 1984/50.

<sup>8</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, ulasan umum No. 36 (2018) mengenai artikel 6 Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, mengenai hak untuk hidup, UN Doc. CCPR/C/GC/36, para.35.

<sup>9</sup> Lihat Amnesty International, Fair Trial Manual, Bab 3. The UN Human Rights Committee has stated that the "assistance of counsel should be ensured, through legal aid as necessary, immediately on arrest and throughout all subsequent proceedings to persons accused of serious crimes, in particular in cases of offences carrying the death penalty". Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Kesimpulan pemerhatian Jawatankuasa Hak Asasi Manusia: Trinidad dan Tobago, UN Doc. CCPR/CO/70/TTO, para.7.

<sup>10</sup> Prinsip 1 Prinsip Asas PBB mengenai Peranan Peguam, yang diterima pakai oleh Kongres PBB Kelapan Mengenai Pencegahan Jenayah dan Layanan Pesalah, Havana, Cuba, 27 Ogos hingga 7 September 1990.

Dalam tempoh waktu yang dipertimbangkan, Amnesty International mencatat laporan media yang berkaitan dengan 50 orang – warganegara Malaysia dan asing – yang hadir di hadapan mahkamah majistret untuk didakwa atas kesalahan jenayah berat. Daripada jumlah ini, **28 orang (56%) dilaporkan sebagai diwakili, dan 20 individu yang ketara (40%) tidak diwakili** (maklumat ini tidak disahkan untuk dua orang lain), walaupun skim bantuan guaman sedia ada diwujudkan di seluruh Malaysia untuk menyokong defendan yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi kurang bernasib baik.

Satu lagi perkara yang membimbangkan yang diperhatikan dalam beberapa kes ialah skop mitigasi hukuman terhad yang dipertimbangkan oleh badan kehakiman, dan bagaimana pantas perbicaraan hukuman semula dijalankan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah bidang kuasa semmentaranya. Keupayaan untuk menyediakan pembelaan undang-undang yang berkesan dan representasi adalah asas kepada hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil.<sup>11</sup> Kebimbangan ini diburukkan lagi dengan kemungkinan yang tipis untuk merayu keputusan Mahkamah Persekutuan, yang menjadikan perbicaraan yang melibatkan keputusan hidup dan mati ini lebih kritikal.

Faktor-faktor peringanan, seperti yang dilaporkan dalam keputusan kehakiman oleh Mahkamah Tinggi yang disemak oleh Amnesty International, merujuk terutamanya kepada beberapa fakta yang telah ditetapkan, seperti umur defendan, masa yang dihabiskan untuk hukuman mati, hubungan keluarga, rekod jenayah defendan dan beberapa elemen kesalahan.

Pemerhati lain telah menyatakan kebimbangan yang sama. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Malaysia (SUHAKAM) dalam satu kenyataan pada 16 November 2023 menggesa Kerajaan “meninjau semula prosedur dan garis masa memfailkan kertas kausa bagi memberi masa yang cukup kepada peguam dan pemohon untuk menyediakan kes mereka bagi memastikan keadilan prosedur dan kewajaran proses untuk semua pihak yang terlibat. SUHAKAM menyeru proses semakan untuk memberikan keadilan bukan sahaja secara substantif kepada pemohon tetapi juga dari segi prosedur.”<sup>12</sup> Rangkaian Anti-Hukuman Mati Asia dan NGO lain menekankan bahawa “perbicaraan diselesaikan dengan cepat dengan ruang terhad untuk peguam menjalankan penyiasatan mitigasi yang mendalam yang diperlukan untuk mengemukakan bukti mitigasi terperinci yang diperlukan untuk membantu pemohon mendapatkan semakan ke atas hukuman mati<sup>13</sup> yang dikenakan.”

Sementara menunggu pemansuhan penuh hukuman mati, Amnesty International menyeru pihak berkuasa Malaysia untuk memastikan bahawa standard antarabangsa untuk perbicaraan yang adil dipenuhi sepenuhnya pada semua peringkat prosiding, dari saat penangkapan dan dan semasa defendan menghadapi tuduhan jenayah pada kali pertama, sehingga peringkat rayuan dan prosedur rekursa lain.

## **HUKUMAN SEBAT YANG KEJAM SERING DIKENAKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA HUKUMAN ALTERNATIF**

Di bawah pindaan perundangan 2023, hukuman sebat dikekalkan atau diperkenalkan untuk beberapa kesalahan sebagai hukuman alternatif mandatori kepada hukuman mati bagi lelaki di bawah umur 50 tahun, berserta hukuman penjara 30 hingga 40 tahun.

Berdasarkan pemantauan Amnesty International terhadap laporan media dan keputusan kehakiman, dalam tempoh enam bulan pertama sejak reformasi perundangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dikuatkuasakan, **40 lelaki daripada 71 orang (56%)** yang direkodkan telah terlepas daripada hukuman mati adalah sebaliknya dijatuhkan hukuman penjara dan **sebat mandatori**. Kebanyakan lelaki ini (36) telah dijatuhkan hukuman menerima 12 sebatan, tiga menerima 15 sebatan dan satu menerima 18 sebatan. Baki 31 orang – wanita atau lelaki berumur 50 tahun ke atas – hanya menerima hukuman penjara.

<sup>11</sup> Lihat Amnesty International, Fair Trial Manual, Bab 28.6.1.

<sup>12</sup> SUHAKAM, “Press Statement No. 43-2023\_Death Penalty- SUHAKAM Applauds Government’s Commitment to Restorative Justice, Urges Further Reforms for Procedural Fairness”, 16 November 2023, [https://suhakam.org.my/2023/11/press-statement-no-43-2023\\_death-penalty-suhakam-applauds-governments-commitment-to-restorative-justice-urges-further-reforms-for-procedural-fairness/](https://suhakam.org.my/2023/11/press-statement-no-43-2023_death-penalty-suhakam-applauds-governments-commitment-to-restorative-justice-urges-further-reforms-for-procedural-fairness/)

<sup>13</sup> Projek Keadilan Hukuman Mati, “Malaysia: Foreign national’s death sentence upheld in a first for resentencing process” (Kenyataan Bersama), 19 Januari 2024, [cpjp.org.au/news/joint-statement-resentencing-process-malaysia](https://cpjp.org.au/news/joint-statement-resentencing-process-malaysia)

Hukuman korporal merupakan layanan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, dan dilarang di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>14</sup> Kedudukan Jawatankuasa Menentang Penyeksaan, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia dan badan perjanjian lain adalah bahawa undang-undang domestik yang memperuntukkan hukuman badan kehakiman adalah tidak serasi dengan larangan mutlak penyeksaan dan layanan buruk yang lain, dan badan-badan ini telah menyeru kepada pemansuhan kehakiman hukuman korporal.<sup>15</sup>

Amnesty International menyeru kerajaan Malaysia untuk mengenakan moratorium serta-merta ke atas hukuman sebat, dan segera memperkenalkan pindaan perundangan untuk menghapuskan hukuman ini bagi semua kesalahan yang ianya dikekalkan. Amnesty International seterusnya menggesa kerajaan Malaysia mengambil langkah pantas untuk meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah.

## SERUAN UNTUK MELANJUTKAN MORATORIUM ATAS PELAKSANAAN HUKUMAN MATI

Walaupun kes jenayah berat yang direkodkan dalam tempoh enam bulan pertama sejak penghukuman dengan kuasa budi bicara penuh diperkenalkan menunjukkan kesan positif awal daripada pembaharuan, pengurangan ketara dalam bilangan hukuman mati yang dikenakan dibayangi oleh kebimbangan yang berlarutan dan timbul mengenai penggunaannya. Kepincangan sistemik dalam sistem keadilan jenayah Malaysia dan undang-undang yang bertentangan dengan sekatan terhadap penggunaan hukuman mati di bawah undang-undang antarabangsa nampaknya bersilang dan diburukkan lagi oleh proses baharu untuk menyiasat faktor-faktor yang meringankan dan memburukkan sebelum memutuskan siapa yang boleh melepaskan diri daripada hukuman mati.

Sebagai langkah kritikal seterusnya, kerajaan Malaysia mesti menyatakan komitmen terhadap moratorium hukuman mati yang diwujudkan pada 2018 dan memastikan ia dipatuhi sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya dan semua hukuman mati diringkaskan. Sidang Parlimen yang akan datang – satu tahun selepas penerimaan undang-undang penting mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori – tidak boleh menjadi peluang yang dilepaskan untuk mengambil kira dan memastikan bahawa perlindungan hak asasi manusia berada di tengah-tengah proses pendakwaan semula yang berterusan.

Pelanjutan moratorium rasmi hukuman mati untuk tempoh masa yang tidak terbatas akan selaras dengan sokongan yang diberikan oleh Malaysia sejak 2018 kepada resolusi berulang oleh Perhimpunan Agung PBB, menyeru negara yang masih mengekalkan hukuman mati untuk mewujudkan moratorium terhadap pelaksanaan penghukuman mati dengan tujuan untuk memansuhkan hukuman mati.<sup>16</sup> Memandangkan resolusi ke-10 mengenai topik ini dijangka dipertimbangkan oleh badan muzakarah utama PBB pada akhir 2024, Amnesty International menggalakkan wakil Malaysia untuk meneruskan sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi untuk inisiatif ini dan menamatkan semua hukuman mati.

	JUMLAH DEFENDAN YANG DISABITKAN  (atas tuduhan jenayah berat)	JUMLAH HUKUMAN MATI DIKENAKAN/DIKEKALKAN ATAS RAYUAN	JUMLAH HUKUMAN TIDAK MELIBATKAN HUKUMAN MATI (TERMASUK RAYUAN UNTUK PERINGANAN)	
			Jumlah keseluruhan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan, jika berkenaan, sebat	Jumlah keseluruhan hukuman yang melibatkan sebat

<sup>14</sup> Jawatankuasa Menentang Penyeksaan, Kesimpulan Pemerhatian CAT: Arab Saudi, UN Doc. CAT/C/CR/28/5 (2002), para.4.

<sup>15</sup> Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB, Osbourne lwn Jamaica, UN Doc. CCPR/C/68/D/759/1997 (2000), para.3.3; Higginson lwn Jamaica, UN Doc. CCPR/C/74/D/792/1998 (2002), para. 4.6; Sooklal lwn Trinidad dan Tobago, UN Doc. CCPR/C/73/D/928/2000 (2001), para. 4.6; Errol Pryce lwn Jamaica, UN Doc. CCPR/C/80/D/793/1998 (2004), para. 6.2; Jawatankuasa PBB Menentang Penyeksaan, Kesimpulan Pemerhatian CAT: Arab Saudi, UN Doc. CAT/C/CR/28/5 (2002), para.4.

<sup>16</sup> Resolusi Perhimpunan Agung PBB 73/175 of 17 Disember 2018; 75/183 pada 16 Disember 2020; dan 77/222 pada 15 Disember 2022.

MAHKAMAH TINGGI	43	19 (44% daripada jumlah yang direkodkan). Daripada ini:  -13 telah dikenakan kerana membunuh (termasuk dua wanita dan dua warga asing, kedua-dua lelaki);  -6 telah dikenakan untuk pengedaran dadah (termasuk ke atas seorang warga asing, lelaki).	24 (56% daripada jumlah yang direkodkan). Daripada ini:  -4 hukuman dikenakan kerana membunuh;  -20 hukuman telah dikenakan kerana pengedaran dadah (termasuk ke atas empat wanita, antaranya warga asing; dan tiga lelaki warga asing).	16
MAHKAMAH RAYUAN	19	4 (21% daripada jumlah yang direkodkan) telah dikekalkan. Daripada ini:  -2 telah dikenakan kerana membunuh;  -2 telah dikenakan kerana pengedaran dadah.  -1 hukuman mati baharu dikenakan buat kali pertama atas rayuan untuk pembunuhan.	14 (74% daripada jumlah yang direkodkan). Daripada ini:  -3 adalah untuk pengedaran dadah;  -11 adalah untuk pembunuhan (termasuk ke atas tiga wanita dan seorang warga asing, seorang lelaki).	8
MAHKAMAH PERSEKUTUAN (RAYUAN BIASA)	8	2 (25% daripada jumlah yang direkodkan) telah dikekalkan.  Kedua-duanya didakwa atas kesalahan membunuh.	6 (75% daripada jumlah yang direkodkan). Daripada ini:  -1 adalah untuk pengedaran dadah;  -5 adalah untuk pembunuhan (termasuk satu ke atas lelaki warga asing).	6
MAHKAMAH PERSEKUTUAN (BIDANG KUASA PENGHAKIMAN SEMULA SEMENTARA) <sup>17</sup>	27	0	27 (100% daripada jumlah yang direkodkan) telah dipindahkan. Daripada ini:  -24 adalah untuk pengedaran dadah (termasuk seorang wanita, warga asing; dan lima lelaki asing);  -3 adalah untuk pembunuhan.	10
JUMLAH	97	26 (27% daripada semua sabitan yang direkodkan)	71 (73% daripada semua sabitan yang direkodkan)	40 (56% daripada hukuman alternatif)

<sup>17</sup> Di bawah Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) Akta 2023 (Akta 847).